

Ulang tahun ke-60 IMO amat ber...

Mukadimah

SEMPENA tema sambutan Hari Maritim Sedunia tahun ini iaitu 'IMO: 60 years in the service of shipping', kita perlu mengimbas kembali pencapaian Malaysia dalam arena pembangunan industri maritim negara.

Berdasarkan sejarah, Malaysia mempunyai asas yang kukuh sebagai destinasi pelayaran sejak zaman kesultanan Melayu Melaka. Begitu juga sejak kemerdekaan Malaysia, kerajaan memberi perhatian serius ke atas pembangunan ekonomi negara di mana 95 peratus dari jumlah keseluruhan tahunan perdagangan negara pada tahun 2007 adalah daripada pengangkutan laut.

Justeru itu, sambutan tahunan ini diadakan untuk lebih menghargai industri ini. Ikuti laporan khas sempena sambutan Hari Maritim Sedunia 2008 yang diadakan baru-baru ini bersama wartawan Sinar Harian, **KEMALIA OTHMAN** dan **ATIQAHA YAACOB**.

SAMBUTAN Hari Maritim Sedunia 2008 bertemakan 'IMO: 60 years in the service of shipping', merupakan satu pengiktirafan kepada International Maritime Organization (IMO) ke atas peranan, sumbangan dan tanggungjawabnya yang cemerlang ke arah perkembangan, keselamatan dan pembangunan industri perkapalan sedunia khususnya, dan bagi sektor maritim pada amnya sepanjang 60 tahun penubuhannya.

Sambutan Hari Maritim Sedunia Peringkat Kebangsaan 2008 merupakan lanjutan daripada Hari Maritim Sedunia Peringkat Dunia yang telah disambut pada 25 September 2008 lalu di London. Sambutan ini bertujuan untuk membincangkan dan bertukar fikiran berhubung keselamatan pelayaran dan perlindungan alam sekitar yang membabitkan segenap komuniti maritim di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Menurut Setiausaha Agung IMO, Mr Efthimios E Mitropoulos, punca kekuatan IMO adalah persefahaman serta kerjasama yang kukuh di antara semua negara ahli pertubuhan tersebut, memetik ucapannya ketika sambutan peringkat antarabangsa yang telah diadakan pada 25 September 2008 di Ibu Pejabat International Maritime Organization (IMO) London, United Kingdom.

Hampir kesemua keputusan yang

dicapai dibuat secara bersama, dan jarang sekali proses undian dibuat dalam membincangkan hala tuju serta pendirian pertubuhan ini atau dalam mendapatkan keputusan dan ketetapan terhadap sesuatu isu.

Keputusan yang dicapai menerusi cara sebegini membolehkan kesemua negara terbabit merasakan mereka mempunyai peranan dalam pembentukan hala tuju pertubuhan ini, di samping 'sense of ownership' yang kemudiannya diterjemahkan kepada rasa tanggungjawab untuk melaksanakan instrumen-instrumen IMO yang telah dipersetujui bersama.

Menurut Timbalan Ketua Setiausaha Perancangan Kementerian Pengangkutan, Datuk Loong See Wool, tema sambutan Hari Maritim Sedunia bagi tahun ini amat bermakna. Pemilihan ini tepat dan merupakan satu pengiktirafan kepada IMO ke atas peranan dan tanggungjawabnya yang cemerlang ke arah perkembangan dan pembangunan industri perkapalan sedunia khususnya, dan bagi sektor maritim pada amnya sepanjang 60 tahun penubuhannya.

"Dengan keahlian seramai 168 negara dan penggubalan kira-kira 50 konvensyen yang dituruti dengan beratus-ratus kod, panduan dan cadangan, pentingnya peranan IMO dalam pelbagai aktiviti industri dari reka bentuk, pembinaan, peralatan



dan operasi kapal-kapal ke latihan pelaut, atau meja lukisan ke scrapyard tidak dinafikan," katanya dalam majlis perasmian Sambutan Hari Maritim Sedunia Peringkat Kebangsaan 2008.

Dari segi pembangunan industri perkapalan, sehingga 2007, sejumlah 4418 buah kapal telah didaftarkan di Malaysia. Selain itu, beberapa syarikat perkapalan Malaysia sudah menempa nama dalam arena perkapalan antarabangsa serantau dan juga di peringkat global. Contohnya, MISC, syarikat perkapalan terbesar di dunia yang memiliki kapal-kapal tangki LNG dan kedua terbesar dari segi pemilikan kapal Aframax (kapal tangki kargo minyak).

"Selaras dengan itu kerajaan akan memberi fokus ke atas pembangunan sumber manusia untuk terlibat di dalam sektor maritim dari segi 'national manning' dengan harapan bahawa kemahiran di dalam bidang kelautan dan perkapalan akan terus dipertingkatkan dengan wujudnya akademi dan pusat-pusat latihan yang bertauliah," katanya.

Menurutnya lagi, industri perkapalan, bukan sahaja di Malaysia malahan di seluruh dunia, sedang menghadapi masalah kekurangan bekalan pelaut yang kompeten dan berkualiti.

"Statistik tahun 2007



LOONG SEE WOOL

menunjukkan bahawa lebih dari 10,000 pelaut asing berdaftar dengan Jabatan Laut untuk berkhidmat di atas kapal-kapal Malaysia dan oleh itu adalah perlu kita terus berusaha untuk membangunkan lagi kerjaya pelaut di kalangan rakyat tempatan ke tahap lebih tinggi," katanya.

Sambutan Hari Maritim Sedunia Peringkat Kebangsaan 2008 ini telah dianjurkan oleh Jabatan Laut Semenanjung Malaysia, institusi pengajian tinggi dan komuniti perkapalan.

Info

Jabatan Laut

Malaysia
● Jabatan Laut
Majlis
tahn
de
Per

Objek

● Me
pe
sel
ko
pe
kel

Visi

● Pe
pe
di

Misi

● Pe
tat
ka
pe
ko
● Pe
pa
da



FATIYAH FAIQA HAMZAH

SAMBUTAN Hari Maritim Sedunia 2008 baru-baru ini yang berlangsung di PWTC turut dihadiri penuntut-penuntut Akademi Laut Malaysia (Alam).

Sokongan mereka dalam pembangunan industri maritim ini menunjukkan suatu yang amat positif demi memartabatkan lagi industri laut dan perkapalan.

Bagi Fatiyah Faiqa Hamzah, 18, dia melibatkan diri dalam bidang ini atas minat dan dorongan ibu bapa yang menggalakkannya menceburkan diri dalam bidang berkenaan.

Menurutnya, tidak ramai yang mahu menceburkan diri dalam bidang itu disebabkan kursus pembelajaran yang memakan masa panjang, namun pulangannya sangat memberangsangkan.

Perkara ini harus diketahui oleh mereka kerana profesion dalam bidang ini mempunyai masa depan yang baik.

"Saya dapat menimba ilmu tentang laut dan perkapalan serta pengalaman yang lebih luas dalam bidang ini.

Sambutan Hari Maritim Sedunia seperti ini juga sangat bagus diadakan bagi umum tahu tentang maritim," katanya.

Sementara itu, bagi Nazirul Mohd Said, 18, beliau menyertai bidang ilmu laut dan perkapalan ini kerana minat yang mendalam di samping merebut peluang kerjaya yang tinggi.

"Sambutan Hari Maritim Sedunia adalah inisiatif yang bagus kerana dengan ini umum dapat mengetahui lebih dalam mengenai ruang lingkup jabatan laut maritim dan bagi menghargai petugas-petugas yang berkhidmat dengan jabatan ini," katanya.

Manakala bagi Muhammad Haziq Ismail, 19, sambutan seperti itu merupakan pengisian yang baik melalui pameran-pameran yang disediakan dan seminar kerana lebih ramai dapat memahami dengan lebih mendalam bidang maritim.

"Saya menceburkan diri di Alam kerana minat yang mendalam dan sokongan serta galakan dari keluarga.

"Ia merupakan antara bidang yang mempunyai masa depan yang cerah, perasaan yang sangat memuaskan dan pengalaman yang tidak dapat dibeli di mana-mana. Ilmu ini sangat istimewa dan sasaran saya adalah untuk bergelar kapten suatu hari nanti," katanya.



MUHAMMAD HAZIQ ISMAIL



NAZIRUL MOHD SAID

Info

Jabatan Laut Semenanjung Malaysia

- Jabatan Laut Semenanjung Malaysia ditubuhkan pada tahun 1952 iaitu seiring dengan kewujudan Ordinan Perkapalan Saudagar 1952.

Objektif

- Menentukan satu sistem perhubungan laut yang selamat, aman, teratur dan konsevasi laut ke arah pertumbuhan maritim kebangsaan yang berkualiti.

Visi

- Penentuan keselamatan pengguna yang belayar di perairan Malaysia.

Misi

- Penentuan kepatuhan kepada tahap keselamatan oleh kapal-kapal Malaysia terhadap perundangan negara serta konvensyen antarabangsa.
- Penentuan kekompetenan pelaut Malaysia diiktiraf di dalam dan luar Negara.

Sektor maritim fokus kepada pembangunan sumber manusia

AHMAD OTHMAN

SEKTOR maritim negara akan lebih fokus kepada pembangunan sumber manusia, terutama dalam mengatasi kekurangan tenaga kerja semua peringkat. Antara lain ialah memperbanyakkan lagi akademi serta pusat latihan laut," kata Ketua Pengarah Laut, Jabatan Laut Semenanjung Malaysia, Datuk Kapten Ahmad Othman.

Menurutnya, sektor ini perlu diberi tumpuan memandangkan sumbangannya terhadap pembangunan ekonomi negara.

Tahun lalu, sektor pengangkutan laut menyumbang pendapatan sebanyak RM 1.1 trilion atau 96 peratus daripada jumlah keseluruhan perdagangan negara.

Menurut beliau, tenaga pelaut tempatan amat diperlukan memandangkan 10,000 pelaut yang berdaftar dengan jabatan itu tahun lalu merupakan pelaut asing.

Pelbagai aktiviti menarik diadakan bagi menarik minat golongan pelajar khususnya lepasan SPM termasuk pameran industri maritim selain seminar kerjaya dalam sektor maritim.

Di samping itu, industri Maritim negara kini memerlukan kira-kira 20,000 lagi pelaut meliputi pelbagai jawatan di kalangan anak-anak tempatan bagi menampung kekurangan pelaut berpengalaman, berkualiti dan kompeten.

Berdasarkan statistik, negara ketika ini hanya mempunyai kira-kira 30,000 pelaut tempatan dan kita memerlukan sekurang-kurangnya 50,000 orang.

"Kekurangan ini perlu diatasi bagi mengelak pergantungan terus industri maritim negara kepada pelaut warga asing.



"Kita perlu terus berusaha untuk membangunkan kerjaya pelaut di kalangan anak tempatan," katanya selepas majlis perasmian Hari Maritim Sedunia Peringkat Kebangsaan 2008 di PWTC baru-baru ini.

Sambutan yang bertepatan 60 tahun dalam perkhidmatan perkapalan itu dirasmikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha Perancangan, Kementerian Pengangkutan, Datuk Long See Wool yang mewakili menterinya.

Mengenai kekurangan yang dihadapi itu, Ahmad memberitahu, ia disebabkan kurang pendedahan dan pengetahuan serta minat mengenai kerjaya dalam industri maritim di kalangan generasi muda.

"Selain itu, faktor tawaran yang lumayan daripada syarikat perkapalan luar turut menjadi faktor mengapa pelaut tempatan bekerja dengan syarikat luar kerana sijil yang diperoleh daripada Jabatan Laut diiktiraf di seluruh dunia," katanya.